

Kuantan: Kemusykilan masyarakat mengenai perubatan tradisional yang menggunakan bantuan jin dan syaitan kini terlerai dengan penerbitan buku *Isu-Isu Berkaitan Akidah dan Syariah dalam Perubatan Tradisional dan Komplementari*.

Buku keluaran Penerbit Universiti Malaysia Pahang (UMP) itu adalah hasil tulisan pensyarah Pusat Bahasa Moden dan Sains Kemanusiaan (PBMSK), Dr Mahyudin Ismail bersama-sama pengasas Pusat Rawatan Islam Manarah, Dr Jahid Sidek mengenai penggunaan ilmu sihir dalam perubatan tradisional.

"Penerbitan buku ini adalah sebahagian daripada penyelidikan saya dalam *Penggunaan Ilmu Sihir Dalam Kegiatan Jenayah di Malaysia* dan ia adalah bukti kejadian kes sebenar pesakit yang terkena ilmu sihir berdasarkan pengalaman kami.

"Buku ini sesuai dibaca oleh masyarakat umum untuk lebih

UMP terbit buku sihir dalam perubatan

BU CVARSITI V3 16/4/2015

memahami penguatkuasaan Akta Rang Undang-Undang Perubatan Tradisional dan Komplementari yang tertakluk di bawah Kementerian Kesihatan," katanya pada majlis pelancaran buku berkenaan bersempena dengan Persidangan Akademik Perpustakaan Kebangsaan, di sini, baru-baru ini.

Yang turut hadir, Timbalan Naib Canselor Penyelidikan, Prof Dr Mas-

nitah Yusoff; Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar, Prof Datuk Dr Yuserrie Zainuddin, Pengarah Penerbit UMP, Prof Madya Dr Mohd Ghani Awang; Ketua Pustakawan, Ruslan Che Pee dan Timbalan Pustakawan Kamariah Gono.

Pengamal perubatan

Mahyudin berkata, masyarakat perlu berhati-hati memilih pusat



Dr Mahyudin Ismail.

rawatan yang menggunakan nama Islam berikutan berlaku penipuan dalam kalangan pengamal perubatan terbabit.

"Orang ramai yang ingin melakukan rawatan tradisional perlu memilih pusat rawatan yang berdaftar dengan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) kerana ia mematuhi piawaian yang telah ditetapkan.

"Penipuan yang dilakukan oleh pengamal perubatan tradisional ini amat buruk kesannya terhadap akidah masyarakat Islam kerana melakukan perkara khurafat dan syirik terhadap Allah SWT," katanya.

Sementara itu, Pengarah Penerbit UMP, Prof Madya Dr Mohd Ghani Awang berkata, buku berkenaan boleh didapati di Pejabat Penerbit dengan harga RM60 senaskhah dan diskaun sehingga 30 peratus diberikan kepada pembelian melebihi 100 naskhah.

Katanya, ia adalah antara koleksi buku terbaik yang dihasilkan pada tahun ini dan menggalakkan lebih ramai penyelidik untuk menerbitkan hasil kajian mereka dalam bentuk buku umum untuk meningkatkan penerbitan buku negara.



Dr Mahyudin (kanan) memberi penerangan dalam sesi Soal Jawab Aplikasi Forensik Dalam Kes Jenayah Berkaitan Sihir pada program Hari Terbuka UMP, baru-baru ini.